

## BAB XIV

### ADAT YANG SENTIASA BAHARU

Sa-lagi manusia ada di-muka bumi ini maka sa-lagi itu ia tetap memakai dan menganut satu2 peratoran hidup yang tertentu, kerana tiap2 pekerjaan yang di-lakukan oleh manusia itu ada peratoran-nya, ada adat-nya:—

“Adat sa-panjang jalan,  
chupak sa-panjang betong”.

(Dalam kalangan para penganut Adat Perpatih, chupak dan gantang ada-lah mereka maksudkan untuk memperkatakan Adat, Peratoran dan sa-umpama-nya itu.)

Sa-tiap bangsa dan sa-tiap negeri berdiri atas Adat atau Peratoran2-nya masing2. Lagi maju dan lagi beradab sa-suatu bangsa itu lebeh berat bangsa tersebut mengambil tahu tentang peratoran2 dan tentang kemajuan Perlembagaan mereka.

Memang hidup manusia itu tiada akan sempurna jikalau ia tiada mempunyai Adat untuk mendasarkan hidupnya itu.

Oleh yang demikian maka Adat atau Peratoran itu sentiasa-lah merupakan satu perkara yang sentiasa hidup pula. Ia tetap merupakan satu perkara yang sentiasa dipakai manusia. Maka itu ia tetap hidup dan tetap baharu:—

“Adat di-pakai baru,  
kain di-pakai usang”.

Adat Perpatih juga mengetahui bahawa manusia itu sentiasa menghendaki perubahan dalam hidup-nya. Manusia dalam satu zaman selalu-nya tiada suka lagi kepada perkara2 dan Adat2 yang di-pakai dalam zaman nenek moyang-nya, kerana memang demikian di-hukumkan oleh alam dan oleh hidup, seperti di-katakan oleh pepatah ini:—

“Sa-kali ayer bah,  
sa-kali tepian berubah”.

Adat2 yang sesuai pada zaman yang terdahulu itu mungkin tiada sesuai lagi dengan dan kepada zaman yang di-hadapi dan sa-terus-nya dengan dan kepada zaman2 dan turunan2 yang akan datang silih berganti itu.

Oleh yang demikian Adat Perpatih menyuruh supaya manusia itu sentiasa memberikan fikiran dan perhatian yang teliti dan bijaksana kepada Adat2 yang ada di-hadapi dan yang ada di-pakai-nya dan yang di-warisi-nya dari nenek moyang mereka yang terdahulu daripada-nya itu, supaya semua-nya itu dapat di-perbandingkan dan di-sesuaikan bagi zaman-nya dan bagi zaman akan datang, seperti ada di-suruhkan oleh Pantun Adat ini:—

“Nenek Perpatih Nan Sa-batang,  
pandai melukis chupak dan gantang.  
Renong-lah tenun yang terentang,  
penolok buatan datang”.

(Tenun yang terentang—adat2 yang ada terbentang,  
yang ada di-depan kita itu. Penolok—perbandingan.)

Sa-terus-nya Adat Perpatih perchaya bahawa dalam hidup manusia itu sering-lah berlaku, terjadi dan terbit perkara2 dengan tiada di-sangka-sangka dan tanpa di-duga; ia-itu perkara2 yang kadang2 merupakan dan menerbitkan mas'alah2.

Dan tiap2 mas'alah itu tetap sahaja mesti di-selesai dan di-beri penyelesaian, walau pun mas'alah itu berlaku dengan tiba2; dan adat untok menyelesaikan mas'alah saperti-nya itu belum ada di-kuat-kuasakan. Sudah tentu mas'alah berkehendakan undang2 yang di-atorkan khas bagi-nya dan yang di-atorkan dengan tiba2 juga:—

“Pertama undang si-lama-lama,  
kedua undang si-gamak-gamak,  
ketiga undang si-mumbang jatuh,  
itu-lah undang masa ketika”.

Menurut hukum alam, buah nyior itu hanya jatuh ka-tanah apabila ia sudah masak. Akan tetapi alam juga menghukumkan bahawa kadang2 tatkala maseh berputek (mumbang), nyior itu sudah jatuh ka-tanah.

Maka demikian juga dengan hidup manusia. Kerana demikian di-hukum oleh alam, maka manusia kadang2 terpaksa menghadapi perkara2 dan mas'alah2 yang berlaku dan terbit dengan tiada di-sangka-sangka, saperti mumbang jatuh itu.

Oleh yang demikian mas'alah2 tersebut menghendaki penyelesaian2 yang baharu pula. Penyelesaian2 yang baharu saperti itu-lah yang di-maksudkan **Undang2** atau **Adat Masa Ketika**.

Adat Perpatch juga membahagikan Adat itu ka-dalam empat jenis:—

- (1) Adat yang sa-benar-benar-nya adat,
- (2) Adat yang di-adatkan,
- (3) Adat yang teradat, dan
- (4) Adat isti'adat.

Walau pun **Adat Isti'adat** hanya merupakan Adat Perhiasaan atau Upachara sahaja, akan tetapi kalau ia telah di-biasakan maka ia juga boleh meningkat menjadi **Adat yang teradat**, ya'ani adat kelaziman. Demikian juga sa-

## PENUTUP

Penyusun ingin mengingatkan bahawa buku ini hanya mencheritakan "Adat Perpatih" itu pada dasar-nya sahaja, kerana perbedzaan2 kechil-kechilan di-sana sini tetap di-dapati dari "Adat Perpatih" yang di-pakai di-Naning dengan yang di-pakai dalam Luak2 Negeri Sembilan dan juga di-Minangkabau; seperti di-katakan oleh pepatah: "Lain padang lain belalang, lain lubok lain ikan". Akan tetapi pada dasar-nya belalang itu belalang juga dan ikan itu ikan juga; dan demikian juga pada dasar-nya "Adat Perpatih" itu ada-lah sama belaka keadaan-nya di-tiap-tiap Luak dan Negeri tersebut.

Berhubung dengan Bab Kesabelas, penyusun meminta ma'af kerana tiada dapat menghurai, membinchang dan mencheritakan kesah "Raja Tiada Bernegeri" itu dengan sa-penoh-nya, kerana ia-nya sa-benar-nya merupakar sejarah Negeri Sembilan, yang sudah tentu akan lebeh sesuai di-binchang dan di-huraikan dalam sa-buah buku sejarah pula.

Di-sini juga penyusun ingin menyatakan bahawa susunan dan kekuasaan pemerentahan seperti telah di-cheritakan itu ada-lah yang telah betul2 di-jalankan di-waktu para penganut "Adat Perpatih" itu telah memerintah negeri2 mereka sendiri.

Kita semua tentu ma'alam bahawa sejak orang2 Minangkabau, Naning dan Negeri Sembilan di-perintah oleh Kuasa2 Penjajah (Belanda dan Inggeris), kuasa2 "Undang", "Lembaga" dan "Buapak" itu sudah banyak di-rampas dan di-perkechilkan.

Hari ini mereka itu hanya mempunyai kuasa menguruskan perkara2 kecil sahaja.

Kita juga terlebih ma'alam bahawa "Adat Perpatih" itu merupakan Falsafah Hidup satu bangsa "Petani".

Maka sama ada Falsafah Hidup itu sesuai atau tidak untuk satu masyarakat yang hidup "Dalam zaman Perindustrian"—seperti zaman yang kita tempoh sekarang—tiadalah penyusun bermaksud membinchangkan-nya pula.

## BAB XIV

### ADAT YANG SENTIASA BAHARU

Sa-lagi manusia ada di-muka bumi ini maka sa-lagi itu ia tetap memakai dan menganut satu2 peratoran hidup yang tertentu, kerana tiap2 pekerjaan yang di-lakukan oleh manusia itu ada peratoran-nya, ada adat-nya:—

“Adat sa-panjang jalan,  
chupak sa-panjang betong”.

(Dalam kalangan para penganut Adat Perpatih, chupak dan gantang ada-lah mereka maksudkan untuk memperkatakan Adat, Peratoran dan sa-umpama-nya itu.)

Sa-tiap bangsa dan sa-tiap negeri berdiri atas Adat atau Peratoran2-nya masing2. Lagi maju dan lagi beradab sa-suatu bangsa itu lebih berat bangsa tersebut mengambil tahu tentang peratoran2 dan tentang kemajuan Perlembagaan mereka.

Memang hidup manusia itu tiada akan sempurna jikalau ia tiada mempunyai Adat untuk mendasarkan hidupnya itu.

Oleh yang demikian maka Adat atau Peratoran itu sentiasa-lah merupakan satu perkara yang sentiasa hidup pula. Ia tetap merupakan satu perkara yang sentiasa dipakai manusia. Maka itu ia tetap hidup dan tetap baharu:—

Dan tiap2 mas'alah itu tetap sahaja mesti di-selesai dan di-beri penyelesaian, walau pun mas'alah itu berlaku dengan tiba2; dan adat untok menyelesaikan mas'alah saperti-nya itu belum ada di-kuat-kuasakan. Sudah tentu mas'alah berkehendakan undang2 yang di-atorkan khas bagi-nya dan yang di-atorkan dengan tiba2 juga:—

“Pertama undang si-lama-lama,  
kedua undang si-gamak-gamak,  
ketiga undang si-mumbang jatuh,  
itu-lah undang masa ketika”.

Menurut hukum alam, buah nyior itu hanya jatuh ka-tanah apabila ia sudah masak. Akan tetapi alam juga menghukumkan bahawa kadang2 tatkala maseh berputek (mumbang), nyior itu sudah jatuh ka-tanah.

Maka demikian juga dengan hidup manusia. Kerana demikian di-hukum oleh alam, maka manusia kadang2 terpaksa menghadapi perkara2 dan mas'alah2 yang berlaku dan terbit dengan tiada di-sangka-sangka, saperti mumbang jatuh itu.

Oleh yang demikian mas'alah2 tersebut menghendaki penyelesaian2 yang baharu pula. Penyelesaian2 yang baharu saperti itu-lah yang di-maksudkan **Undang2** atau **Adat Masa Ketika**.

Adat Perpatch juga membahagikan Adat itu ka-dalam empat jenis:—

- (1) Adat yang sa-benar-benar-nya adat,
- (2) Adat yang di-adatkan,
- (3) Adat yang teradat, dan
- (4) Adat isti'adat.

Walau pun **Adat Isti'adat** hanya merupakan Adat Perhiasaan atau Upachara sahaja, akan tetapi kalau ia telah di-biasakan maka ia juga boleh meningkat menjadi **Adat yang teradat**, ya'ani adat kelaziman. Demikian juga sa-

## PENUTUP

Penyusun ingin mengingatkan bahawa buku ini hanya mencheritakan "Adat Perpatih" itu pada dasar-nya sahaja, kerana perbedzaan2 kechil-kechilan di-sana sini tetap di-dapati dari "Adat Perpatih" yang di-pakai di-Naning dengan yang di-pakai dalam Luak2 Negeri Sembilan dan juga di-Minangkabau; seperti di-katakan oleh pepatah: "Lain padang lain belalang, lain lubok lain ikan". Akan tetapi pada dasar-nya belalang itu belalang juga dan ikan itu ikan juga; dan demikian juga pada dasar-nya "Adat Perpatih" itu ada-lah sama belaka keadaan-nya di-tiap-tiap Luak dan Negeri tersebut.

Berhubung dengan Bab Kesabelas, penyusun meminta ma'af kerana tiada dapat menghurai, membinchang dan mencheritakan kesah "Raja Tiada Bernegeri" itu dengan sa-penoh-nya, kerana ia-nya sa-benar-nya merupakar sejarah Negeri Sembilan, yang sudah tentu akan lebeh sesuai di-binchang dan di-huraikan dalam sa-buah buku sejarah pula.

Di-sini juga penyusun ingin menyatakan bahawa susunan dan kekuasaan pemerentahan seperti telah di-cheritakan itu ada-lah yang telah betul2 di-jalankan di-waktu para penganut "Adat Perpatih" itu telah memerentah negeri2 mereka sendiri.